

SISWA LAPOR TSUNAMI



KENANGAN...peserta bergambar bersama
Pengetua Kolej Bukit Kachi I.

50 pelajar UUM sertai bengkel penulisan berita

HM 22/03/05 18:4

Oleh Muhammad
Saniy

SERAMAI 50 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) berkampung di Pantai Cenang, Langkawi baru-baru ini untuk menyertai bengkel penulisan berita, rencana, pengendalian kamera dan teknik mengambil gambar.

Program selama dua hari yang dianjurkan oleh Kolej Bukit Kachi I ini bukan sahaja membabitkan bidang teori malah pendedahan praktikal bagi memberi kesan mendalam kepada peserta.

Pelajar dari 14 kolej universiti itu berpeluang membuat liputan berita dan rencana di sekitar Pantai Cenang, Langkawi yang dilanda ombak besar tsunami pada 26 Disember tahun lalu.

Dalam ucapan penutupnya, pengetua kolej, Fazilah Othman, berharap peserta yang mengikuti bengkel itu dapat menggunakan ilmu yang dipelajari bagi membuat laporan atau berita mengenai kolej masing-masing untuk siaran buletin masing-masing

atau universiti itu.

"Bengkel kali ini lebih menarik kerana peserta diberi tugas untuk membuat tinjauan dan berita bergambar mengenai kesan industri pelancongan di Langkawi selepas tsunami melanda 26 Disember lalu," katanya.

Peserta yang mengikuti bengkel ini bukan sahaja berpeluang untuk menemui penduduk tempatan, malah pelancong dari luar negara.

Pengarah projek, Mohd Khir Kamarudin, berkata bengkel kewartawanan yang mendapat sambutan daripada warga kampus ini akan dijadikan acara tahunan bagi kolej ini.

Peserta mengalu-alukan langkah jawatankuasa penganjur untuk menggunakan latihan dalam kelas dengan berinteraksi bersama orang awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai butir berita dan rencana.

"Pendedahan yang diberi amat bermakna kepada mereka kerana tanpa berinteraksi dengan orang awam, kita tidak boleh mendapat sumber untuk bahan berita dan seterusnya menjadi wartawan yang baik," kata Khir.